

e-Bulletin

<http://usp.skmm.gov.my/>



Universal Service Provision

Volume 3 | Dec 2014



4

Kemudahan
Jalur Lebar
Dipertingkatkan
di Langkawi

12

Connecting
Indigenous
People to the
World

28

Kejayaan
Nelayan
Tradisional
Buta IT

52

Datuk Idris
Says

Contents

4	Happenings
22	Kisah Kejayaan / Success Stories
32	Pengalaman Sebagai Penolong Pengurus PI1M
44	Tips - Klik Dengan Bijak
48	Inisiatif MCMC / MCMC Initiatives
52	He Says



Laporan Aktiviti



Kemudahan Jalur Lebar Dipertingkatkan di Langkawi



Usaha kerajaan untuk memperluaskan kemampuan jalur lebar negara di bawah Inisiatif Jalur Lebar Negara yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak pada tahun 2010 telah membuahkan hasil yang amat positif. Pada suku pertama tahun 2014, kadar penembusan jalur lebar di Malaysia telah meningkat kepada 67.3% berbanding dengan 33.2% pada tahun 2010.

Pada 14 dan 15 September 2014, Karnival Jalur Lebar 1Malaysia (KJL1M) telah dianjurkan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Mahsuri (MIEC) di Langkawi, Kedah. Karnival ini telah berjaya menarik minat dan membuka minda orang ramai tentang kepentingan penggunaan jalur lebar dan diharap dapat menggalakkan penggunaan jalur lebar sekaligus meningkatkan jumlah langganan jalur lebar di Langkawi.



Pertandingan mewarna telah menarik penyertaan ramai para pelajar sekolah dalam Karnival ini.



(Kiri Ke-3) Muhammad Fairuz Abdullah, Timbalan Pengarah Wilayah Timur MCMC memberi penjelasan tentang infrastruktur telekomunikasi di Langkawi Kepada Perdana Menteri semasa KJL1M.



Penganjuran karnival ini diadakan bersempena dengan lawatan kerja Perdana Menteri ke Langkawi. Beliau telah merasmikan KJL1M yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dengan kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan Lembaga Pembangunan



Taklimat Klik Dengan Bijak bertujuan memberi kesedaran tentang penggunaan Internet berhemah di kalangan rakyat Malaysia.

Tahukah anda?
Percetakan 3D dapat menghasilkan sesuatu objek dalam bentuk 3 dimensi dengan menggunakan bahan seperti logam atau plastik di bawah kawalan komputer.

Mesin pencetak 3 dimensi (3D) yang dipamerkan semasa KJL1M di Langkawi.



Langkawi (LADA). Ia turut disertai pelbagai agensi kerajaan dan pemberi perkhidmatan telekomunikasi di negara ini. Karnival ini diadakan untuk menyalurkan maklumat mengenai inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan bagi mempertingkatkan keupayaan infrastruktur telekomunikasi serta mempromosikan perkhidmatan jalur lebar untuk dinikmati oleh komuniti setempat di Langkawi.

Selain itu, keupayaan infrastruktur dan perkhidmatan telekomunikasi di pulau pelancongan ini turut dipertingkatkan sebagai persediaan bagi penganjuran Sidang Kemuncak ASEAN 2015 yang bakal diadakan pada 20 hingga 22 April 2015 di Langkawi.

Pelbagai aktiviti seperti pertandingan mewarna, pertandingan menyanyi dan teka-teki telah memeriahkan lagi karnival tersebut. Bukan itu sahaja, pengunjung juga boleh menjamu selera di majlis kenduri rakyat selain menyertai cabutan bertuah sepanjang karnival tersebut diadakan.

Selain itu, pelbagai bengkel turut dianjurkan untuk membuka minda para pengunjung KJL1M. Contohnya, Bengkel Usahawan Atas Talian yang dianjurkan memberi pendedahan berkaitan peluang-peluang yang perlu diterokai di dalam perniagaan atas talian pada masa kini dan meningkatkan kemahiran para usahawan dalam penggunaan media sosial bagi memasarkan produk perniagaan dengan menggunakan teknologi ICT terkini.

Antara hasil pencetakan 3 dimensi (3D) yang dipamerkan kepada para pengunjung KJL1M.



Keratan akhbar mengenai KJL1M dalam Berita Harian dan Kosmo, 15 September 2014.

Application Development for Rural Communities

Everyone is empowered to design their own experience for their lifestyle. This is also true for the people in rural and underserved areas. Creating an app is not only about the money or winning a prize, it's all about the experience you gain while having fun with your teammates in defining, designing and developing apps for the benefit of your community, our country and the world!

Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) together with Media Prima Digital (MPD) had organized a series of D3 Hackathons in August and November 2014. The first series of D3 Hackathon (D3 1.0) that was held in August 2014, offered a total prize of RM 60,000 for the winning teams.

A second series of D3 Hackathon (D3 2.0) was held at Telekom Malaysia Convention Centre (TMCC) in Kuala Lumpur. The competition attracted nearly 150 participants from Malaysia, Canada, Austria, Sri Lanka, Iran, Sudan, Indonesia, Brazil and India to develop apps in three categories - Connected Community, Government Mobile Apps and Media + Entertainment.

The Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU) was invited to be the judge for apps under the Government Mobile Apps category. MAMPU had been exploring apps that could expand government agencies' services from online websites to the mobile platform to enhance their services to the public.

In the meantime, under the Connected Community category, MCMC aimed for apps that could empower the rural and underserved communities to achieve development in various sectors such as agriculture, education, health and business. MCMC hopes that the apps generated in the hackathon could be beneficial not only to people in the rural areas but also

for underserved groups such as persons with disability, children under protection, women under rehabilitation and people living in low cost housing areas.

The final category which is Media + Entertainment seeks apps that will enhance the experience of media and entertainment in video content, gaming, digital advertising, animation, news, etc. Under this category, the first prize won by Idea Mate with their app, Couple Music, which allows the creation of personalized birthday greetings using music instead of just a normal birthday wish. This lucky team will enjoy a sponsored trip to Sydney.

D3 participants will get the opportunity to collaborate with MCMC and Media Prima Digital on their current and future projects. The winning teams will have a chance to further develop their apps under the Creative Industry Development Fund (CIDF-MCMC) if they fulfill three major criteria as follows:

Concept

- * Creative
- * Unique value proposition
- * Demonstrate universality

Business Potential


- * The content must be functional on different platforms, have viable business case, with potential revenue and subscribers

Operational Capacity

- * Have personnel and expertise
- * Have technical and technological knowledge
- * Have strategic collaborations with third parties
- * Have financial commitments and investments

For more details, you may visit our website <http://usp.skmm.gov.my/Media/Announcements/MCMC-Media-Prima-Digital-D3-2014.aspx>


WHAT IS D3? (Define, Design, Develop)



When?
23-24 Aug 2014



Where?
Wakalab Media
Prima Digital,
Bangsar.




Who can join?
Designers, developers,
entrepreneurs & the
creative community



What is it about?


A 24-hour marathon competition for anyone who is interested in developing digital applications and innovative solutions on Windows, Android dan iOS platforms.



When?
22-23 Nov 2014



Where?
Telekom
Malaysia
Convention
Centre (TMCC),
Kuala Lumpur.



Who can join?
Designers, developers,
entrepreneurs & the
creative community

D3 1.0 Winner List

Category:

Entertainment & Lifestyle and Connected Community

Team: Last Words

App name: Last Words



RM15,000 cash + RM10,000 bursary +
Nokia Lumia 1520 smart phones

1st

Congratulations to first prize winner of D3 1.0!
(Left to right) Ahmad Azlan Shamsuddin, Shahrin Shamsuddin, Afif Ter and Syed
Muhamad Muaz Syed Abdullah with their app titled Last Words.

Team: Strand

App name: Strand



RM10,000 cash + RM10,000 bursary +
Nokia Lumia 1320 smart phones

2nd

All smiles. Raeesa (left) savors victory
with her team member Wong Shin
Chong (right).

Team: LionHeart

App name: LionHeart



RM5,000 cash + RM10,000 bursary +
Nokia Lumia (630 Dual SIM) smart phones

3rd

It was a 24 hours well spent after Kendrick
Wong, Lau Cher Han, Rickson Goh and Nikolai
Prettner (2nd left to right).
Lam Swee Kim, GM of Media Prima Digital
Group (left).

D3 2.0 Winner List

1st

2nd

3rd

Category: Media + Entertainment

Team: Idea Mate
App name: Couple Music
Trip to Sydney + RM 10,000
bursary

Team: AppRunners
App name: Go Green Media
Application
RM 5,000 cash + RM 10,000
bursary

Team: KK Ng
App name: Glanz
RM 1,000 cash + RM 10,000
bursary

Category: Government Mobile Apps

Team: 41 SS
App name: myPassport
RM 20,000 cash + RM 10,000
bursary

Team: ichange.my
App name: ichange.my
RM 5,000 cash + RM 10,000
bursary

Team: D.H.D
App name: D.H.D. (Dengue
Hotspot Detector)
RM 1,000 cash + RM 10,000
bursary

Category: Connected Community

Team: Fund A School
App name: Fund A School
Purpose: As a crowdfunding
platform for schools and teaching
institutions
RM 20,000 cash + RM 10,000
bursary

Team: Deafnote
App name: Deafnote
Purpose: Enable the deaf
to 'listen' to music through
vibrations, song lyrics and video
RM 5,000 cash +
RM 10,000 bursary

Team: Hustle
App name: Pocket Labs
Purpose: To help Malaysian
startups to grow and scale faster
and better, unrestricted from the
established startup network and
geographic location
RM 1,000 cash +
RM 10,000 bursary



Congratulations to the winning team
for their app, Fund A School, under
Connected Community category! (2nd
from left) Mohd Izuddin Helmi Adnan,
(from right) Mohd. Wafiq Rodzuan,
Fahrul Azmi Abdullah and Ikhwan Nazri
Mohd Asran.



Second prize winning team, Deafnote.
(From right) Ong Xing Hui and Leong
Yok Tian.



Third prize winning team, Pocket Labs
Fong Wei Zien (2nd from left), Lais de
Oliveira, (4th from left) and Kendrick
Wong (right).



“Our aim is to bridge the digital gap between the rural and urban communities. We are looking for tech enthusiasts who would like to make an impact and give back to the community by building apps that enhance the lives of people in rural communities. We will pick the most inspirational ideas, turn them into working solutions and implement them in our community broadband project,” explained Dato’ Mohd Ali Hanafiah, MCMC Chief, Industry Development Officer.



“The main reason for me to join this event is because I would like to learn more on mobile development and Windows phone architecture. Basically in university, I’ve developed on Android platform and during work I’m doing desktop application (J2SE-Java). My team joined this event because somehow we just started planning to work on a project (game development) and use this opportunity to gain experience, knowledge and increase teamwork among ourselves,” said Jannatul Alia binti Ramli, D3 1.0 participant.



(From left to right) Syed Muhamad Muaz Syed Abdullah and Shahrin Shamsuddin from the winning team in D3 1.0, Last Words shared their tips with participants of the D3 2.0 hackathon before the beginning of the 24 hours app coding session.



Having good time with teammates! Team Aladdin testing their app's function, EduTag.



Cheers to all the D3 1.0 winners with their mentors and judges.



One of the D3 2.0 participants taking a rest.



Won first prize in D3 1.0 and D3 2.0!

Team 41SS won first prize for myPassport under Government Mobile Apps category. The same team also won first prize for their app, Last Words in D3 1.0!

Dato’ Mohamed Sharil Tarmizi, Chairman of MCMC (3rd from left) and Dato’ Sri Dr Halim Shafie, Chairman of Telekom Malaysia Berhad (TM) (right).



“Everybody has the power to change the world. With ideas, everything could be done. The communities who are living in urban areas, rural areas and remote areas need to be connected. So, we are here today to look for apps that could improve and enhance their lives. The apps must be simple and user friendly. I always tell myself; if my 65 year-old mother could use the app, I have done my job. Try to put yourself in their shoes, identify the rural and underserved people’s needs when you are creating the app. Hopefully you will be inspired today, to help yourself and help the communities. Let’s come up with some great ideas for apps that could be used by them,” said Head of Content and Application Department, MCMC, Long Hui Ching in her briefing to participants.



“I like to join apps development events such as D3 1.0 & 2.0, because I could get inspiration from the experience, learn new skills in coding, presentation, design of app and even develop business ideas. This 24-hour event was tiring but worth it,” said Leong Yok Tian. The 26 year-old is an entrepreneur whose passion is apps development. He actively participated in many hackathon events. This year alone, he was involved in 8 hackathons!



Cheers to all winners in D3 2.0! Sweet victory after a hard 24 hours to develop apps.

Connecting Indigenous People to the World

The reach of MCMC's USP initiatives is far and wide; encompassing the indigenous people, Orang Asli communities as well.

On 18 September 2014, MCMC proudly showcased our facilities in the Kg. Orang Asli Sungai Judah on Pulau Carey, Selangor, in conjunction with the KL Converge 2014 event.

A team of 50 delegates including ASEAN ministers from the telecommunication sector led by Minister of Malaysian Communication and Multimedia, YB Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek visited 1Malaysia Internet Centre (PI1M) and 1Malaysia Wireless Village (KTW1M) Kg. Orang Asli Sungai Judah in Pulau Carey, Selangor, to see how MCMC's effort in expanding broadband coverage to rural communities has opened up

opportunities in ICT and commerce; and also bridged the digital divide for the Orang Asli community.

PI1M Kg. Orang Asli Sungai Judah, which began operations on 22 March 2013, currently has a total of 340 members. The centre provides a variety of services including internet access, photocopy, scanning and laminating at affordable price. Free ICT and entrepreneurship training to the surrounding community are also available.

The Wi-Fi service provided under KTW1M allows the villagers to access the Internet without physically visiting the centre.



Dato' Mohamed Sharil Tarmizi, Chairman of MCMC (standing) giving a brief introduction of the facilities and services available at PI1M.



Minister of Communications and Multimedia, YB Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek and ASEAN delegates welcomed with warm greetings from the Mah Meri people in Kg. Orang Asli Sungai Judah.



Kg. Orang Asli Sungai Judah in Selangor, was founded in 1920 and currently has a population of 426. The villagers are actively involved in agriculture, fishing and traditional craft works.



Banking Services are available too.

In addition to providing free ICT and entrepreneurship training, the PI1M in Kg. Orang Asli Sungai Judah also provides banking services to the community, being an authorised agent for Bank Simpanan Nasional (BSN).




Media publicity on Kg. Orang Asli Sungai Judah featuring Uzer Tajudin, Head of Rural Development Division (bottom right) and Eneng Faridah Iskandar, Head of Outreach and Engagement Division (bottom left).



The Mah Meri men use wood for their craft works.



Handicrafts made by Mah Meri women.



Did You Know?

The Mah Meri people living in Kg. Orang Asli Sungai Judah, Pulau Carey is famous for their handicrafts. The women mostly make handicrafts from mengkuang leaves while the men carve figurines from wood. Mengkuang leaves (*Pandanus odoratissimus*), is a huge pandan-like plant that could be found in mangroves and local jungle. The fruits can be eaten, and the tall, thorny leaves are collected, boiled, dyed and made into colourful gift boxes, mats, hats, fans, etc. Their handicrafts have been recognized by United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) and displayed in the Mah Meri Cultural Village in Pulau Carey, Selangor.

Aktiviti Pejabat Wilayah



Aktiviti Pejabat Wilayah

Name of event / Nama acara	Lawatan Ahli Suruhanjaya MCMC
Date / Tarikh	27 - 29 September 2014
Location / Lokasi	Daerah Batang Padang, Kinta, Hulu Perak
Purpose / Tujuan	Lawatan tapak dan pemeriksaan perkhidmatan telekomunikasi
Pejabat MCMC Wilayah	Utara



Pemeriksaan menara telekomunikasi di Felcra Changkat Sulaiman, Sungkai, Perak.



Perkhidmatan E-Kesihatan seperti ujian tekanan darah turut ditawarkan di P11M Pekan Gerik.

(Kanan) Uzer Tajudin, Ketua Bahagian Pembangunan Luar Bandar MCMC dan Datuk Idris Abdullah, Ahli Suruhanjaya MCMC (Kiri).

Name of event / Nama acara	Lawatan Ahli Suruhanjaya MCMC
Date / Tarikh	12 - 14 November 2014
Location / Lokasi	Pulau Langkawi, Kedah
Purpose / Tujuan	Pemantauan perkhidmatan telekomunikasi
Pejabat MCMC Wilayah	Utara



Lawatan Ke P11M Padang Lalang di Mukim Ayer Hangat yang masih dalam peringkat pelaksanaan. (Dari Kiri) Ahmad Nor Hisham Mohd Yusop, Ketua Wilayah Utara MCMC; Datuk Idris Abdullah, Ahli Suruhanjaya MCMC; Zulkifli bin Mohamad dari Nusuara Technologies Sdn. Bhd; Uzer Tajudin, Ketua Bahagian Pembangunan Luar Bandar MCMC dan Kamaruddin Jaalam dari Celcom Axiata Berhad.



Pembinaan salah sebuah menara telekomunikasi di Pulau Dayang Bunting.



Lawatan tapak Ke lokasi Perluasan Jaringan Gentian Optik (Fiber) bersama pemberi perkhidmatan; Telekom Malaysia Berhad dan Celcom Axiata Berhad di Bukit Dundung, Langkawi.

Name of event / Nama acara	Ujian Penerimaan Pengguna (UAT) Projek Menara Telekomunikasi (Time 3)
Date / Tarikh	28 Ogos 2014
Location / Lokasi	Daerah Padang Terap dan Pendang, Kedah
Purpose / Tujuan	Pemeriksaan menara yang telah siap dibina mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan dan menepati spesifikasi menara yang ditetapkan oleh pihak MCMC
Pejabat MCMC Wilayah	Utara



Aktiviti UAT sedang dijalankan di sekitar menara telekomunikasi.



Menara telekomunikasi yang telah siap dibina di Kg. Mahawangsa, Kedah.

Name of event / Nama acara	Lawatan tapak menara telekomunikasi di kawasan berisiko banjir
Date / Tarikh	12 - 13 November 2014
Location / Lokasi	Daerah Bera, Kuantan dan Pekan (Pahang) dan Kemaman, Setiu dan Besut (Terengganu)
Purpose / Tujuan	Pemeriksaan projek penambahbaikan menara di kawasan berisiko banjir supaya perkhidmatan selular boleh beroperasi sepenuhnya walaupun kawasan menara dinaiki air ketika waktu banjir.
Pejabat MCMC Wilayah	Timur



Wakil dari Celcom Axiata Berhad (Ke-2 dari Kiri) menerangkan berkenaan projek penambahbaikan menara yang telah dijalankan kepada wakil MCMC (dari Kanan), Mohd. Hussin bin Ali, Ketua Bahagian Kordinasi Wilayah; Tengku Zaib Raja Ahmad, Ketua Pegawai Perkhidmatan dan Sokongan dan Shahrizal Hussin, Timbalan Pengarah Wilayah Timur.



Tapak menara telekomunikasi telah dinaikkan supaya tidak dinaiki air jika berlakunya banjir membolehkan perkhidmatan selular tidak terjejas semasa banjir melanda.

Name of event / Nama acara	Ujian Penerimaan Pengguna (UAT) Projek Perluasan Jaringan Gentian Optik Kabel (Fiber)
Date / Tarikh	8 - 9 September 2014
Location / Lokasi	55 lokasi terpilih di sekitar Daerah Pasir Mas dan Bachok, Kelantan
Purpose / Tujuan	Pemeriksaan tapak projek perluasan jaringan gentian optik kabel yang bertujuan meningkatkan kapasiti perkhidmatan selular telah dibina mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan dan pihak MCMC.
Pejabat MCMC Wilayah	Timur



Kabel gentian optik dipasang untuk menyediakan perkhidmatan jalur lebar yang lebih baik sejajar dengan permintaan untuk perkhidmatan LTE.



Proses pemeriksaan UAT dijalankan bersama pemberi perkhidmatan DiGi Telecommunications Sdn. Bhd. dan MCMC.

Name of event / Nama acara	Seminar Transformasi Usahawan Jalur Lebar
Date / Tarikh	20 September 2014
Location / Lokasi	Balai Raya Penghulu Sakul Bin Tira, Kampung Medong, Sibu, Sarawak
Purpose / Tujuan	Bagi menggalakkan usahawan tempatan menjadi pengusaha berjaya dengan memasarkan produk tempatan Kampung Medong secara atas talian.
Pejabat MCMC Wilayah	Sarawak



Penyertaan daripada komuniti Kampung Medong amat memberangsangkan dalam Seminar Transformasi Usahawan Jalur Lebar.



Peserta mendapatkan tip kejayaan menjadi pengusaha berjaya dalam sesi soal jawab bersama panel forum.

Name of event / Nama acara	Dunia Dihujung Jari: Internet Untuk Semua
Date / Tarikh	26 September 2014
Location / Lokasi	Felda Bukit Batu, Kulaijaya, Johor.
Purpose / Tujuan	Program Memperkasa Komuniti: I-Komuniti. Bertujuan memberi motivasi dan pendedahan secara mendalam kepada usahawan-usahawan tempatan mengenai internet sebagai satu platform pemasaran yang baik
Pejabat MCMC Wilayah	Selatan



Mohd. Azrul Mohd Nor dari Persatuan Usahawan Internet Malaysia (PUIM) sedang memberi taklimat berkenaan perniagaan atas talian.



Kebanyakan usahawan dari golongan wanita yang hadir.

Name of event / Nama acara	Ujian Penerimaan Pengguna (UAT) projek Jalur Lebar Tanpa Wayar Berasaskan Teknologi 4G LTE (Long Term Evolution)
Date / Tarikh	29 Oktober 2014
Location / Lokasi	Alai, Padang Temu, Bukit Duyong dan Bukit Lintang di Daerah Melaka Tengah
Purpose / Tujuan	Pemeriksaan menara yang telah siap dibina mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan dan menepati spesifikasi menara yang ditetapkan oleh pihak MCMC
Pejabat MCMC Wilayah	Selatan



Aktiviti UAT sedang dijalankan di Bukit Duyong, Melaka.



Pemberi perkhidmatan sedang memeriksa fungsi peralatan dan kelajuan internet.

Name of event / Nama acara	Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Liga Remaja Kreatif (LRK) 2014 Peringkat Negeri Sabah
Date / Tarikh	10 October 2014
Location / Lokasi	Hotel Le Meridien, Kota Kinabalu, Sabah.
Purpose / Tujuan	Memupuk minat dan kreativiti dalam pembangunan kandungan serta mendidik remaja tentang asas kemahiran dan produksi dalam penceritaan dan peralatan. Juga bertujuan untuk mencetuskan keterujaan di kalangan remaja terhadap potensi dan peluang dalam industri kandungan
Pejabat MCMC Wilayah	Sabah



Juslly Elis, Ketua Wilayah Sabah MCMC menyampaikan kata-kata aluan sebelum majlis penyampaian hadiah kepada pemenang LRK 2014.



Nor Akmar Shah Minan, Ketua Bahagian Pengurusan Jalur Lebar MCMC (bertudung hitam) bersama pemenang-pemenang LRK 2014 Peringkat Negeri Sabah.

Kisah Kejayaan



Candles Light Up Taxi Driver's Life

Nama | **Awang Nayan Bin Nawi**
 Lokasi PI1M | **PI1M Kg.Tandek, Pejabat Daerah Kota Marudu, Dewan Serbaguna Kg. Tandek, 89100 Kota Marudu, Sabah.**
 Pemberi Perkhidmatan | **Celcom Axiata Berhad**



The decorative candles made by Awang are not only colorful and sweet-smelling but also durable. Sold at a reasonable price, it has attracted numerous orders from customers all over Sabah. The candles come with different scents such as strawberry and orange in various colors.

It is a universal truth that parents want a better life for their children, and Awang Nayan Bin Nawi, a father of five from Beaufort, Sabah is no different. The taxi driver who ventured into selling homemade decorative candles online as an extra source of income is yet another example that there is no substitute for hard work and perseverance.

As a taxi driver in Beaufort, the 42 year-old's income is erratic and insufficient for his family's daily expenditure. This is especially the case as his eldest son is currently pursuing a Diploma in Multimedia at a private college.

Prompted by curiosity to explore avenues he had not considered before, Awang visited the Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) in Kg. Tandek in August 2014. Impressed and fascinated with the atmosphere and all the facilities provided, he registered himself as a PI1M member to improve

his knowledge on ICT and also to get advice on side businesses that he may venture into.

From having little knowledge in ICT and use of gadgets such as smartphones, Awang signed up for classes and soon learned new skills such as using Microsoft PowerPoint and PhotoScape. After attending a candle-making exhibition in Kota Kinabalu, Sabah, and seeing how candles could be produced in short time, he foresees a huge potential to generate side income through selling candles.

His initial foray into candle-making focused on decorative candles. Raw materials such as glasses, cooking oil and crayons were sourced locally from Kota Marudu while preservatives were acquired from Kota Kinabalu, some 125km away. With his family pitching in, attractive colourful candles in glass jars were made and eventually displayed at the PI1M Kg. Tandek.



Creative and environmental friendly. Awang using coconut shell as one of his decorative candles design.

Orders began to come in from customers within Kota Marudu, Sabah.

To expand his knowledge of running a business, Awang enrolled in the entrepreneurship trainings offered for free at the PI1M. Thanks to this training, he has successfully promoted his decorative candles through social media such as WhatsApp and Facebook.

Soon after, orders from near by towns especially Pitas, Kota Belud, Kota Kinabalu, Sipitang and Labuan started coming in. Awang managed to earn an average of RM800 a month fulfilling orders for wedding souvenirs and also for the Hari Raya festive season. Not bad for a side business considering his previous earnings of about RM300 per month as a taxi driver whose income is dependent on the number of daily customers. Awang said his clients were delighted with the workmanship of the candles and also pleased with the pleasant scent of his candles.

Awang said the formation of PI1M Kg. Tandek means a lot to him as it has helped improve the quality of life for the lowly skilled like himself. Expressing his gratitude, he never thought he was capable of becoming an online entrepreneur

due to his low educational background. Now he actively participates in activities organized by PI1M Kg.Tandek such as product exhibitions and open days.

Comparing the PI1M with cybercafés, Awang had previously obtained a letter typing service at a cybercafé but was disappointed with the outcome since it was not worth the fee charged. In contrast, PI1M supervisors were more than willing to assist and provide proper guidelines and format for letter typing. The close proximity of PI1M Kg. Tandek, affordable price and comfortable facilities as well as the availability of the manager's assistance become the main factors for him frequently deal with the PI1M.

Realising the benefits of the Internet, he arranged for his wife along with his eldest and second son to sign up as PI1M members. So far, they have undergone various trainings there in order to learn the techniques and skills to help Awang with his business.

He hopes that more local residents can take full advantage of the free training provided at PI1M Kg. Tandek and achieve success in the near future.

As for his decorative candle business, Awang believes there is room for improvements in terms of design and creativity. He would like his business to keep developing and hopes to be able to buy a candle processing machine to optimise the production of his candle products in order to meet the growing demands of his customers.

<https://www.facebook.com/pages/Lilin-Hiasan-Kraftangan/1504144813202936>



Awang (right) actively participates in any activities held at PI1M. He is pictured here receiving gifts in a lucky draw competition during PI1M Kg. Tandek Open Day.

PI1M Manager by Day, Online Entrepreneur by Night

Name | **Zulaiha binti Mat Tazan**
 PI1M | **PI1M Bukit Diman, Bangunan PNM, Perpustakaan Desa
 Kampung Bukit Diman, 21800 Ajil, Terengganu.**
 Service provider | **DiGi Telecommunications Sdn.Bhd.**

One of the tips from moonlighting entrepreneurs who have been there is that you should find a synergy between your day and night job. This is exactly what Zulaiha binti Mat Tazan did. The 26 year-old successfully established an online business for her handmade Abaya and scarves, while working as a manager at the 1Malaysia Internet Centre (PI1M) in Bukit Diman, Hulu Terengganu.

Ever since she began working as a PI1M manager in her hometown in Bukit Diman, Zulaiha conducted various activities with the local people to promote the PI1M and facilitates offered such as Internet access, free ICT and entrepreneurship training and other services such as photocopying, scanning and laminating. She feels that it is a waste if people in the local community do not value and fully utilize the services provided as much as possible.

Drawing inspiration from the job herself, she decided to start an online business to generate some side income. Along the way, Zulaiha realized that all the business theories learnt in school was not easily applied to an online business. With perseverance and taking advantage of the Wi-Fi service available at the PI1M, she began to learn about online businesses using the Google search engine. However, she suffered a setback in her first trial to start an online business selling traditional silk. The business did not work well because of the high price of silk and huge capital required to sustain the business.

Having learnt from the experience, Zulaiha then did some market research and found out that there is a potentially huge market for Muslim clothing. She has an idea about sewing scarves that enables Muslim women to be stylish without

contradicting Syariah dressing rules and without having to spend a lot of money. She then started a new online business, Cempaka Solehan Collection in 2013.

To continue being a PI1M manager and an online entrepreneur at the same time, Zulaiha learnt to use timetables for better time management. She carries on with her duties at the PI1M during the day and manages her online business, and sews scarves and Abaya after work and on rest days. On average, Zulaiha manages to sew one piece of Abaya and three pieces of scarves during the week; and three pieces of Abaya and six pieces of scarves on rest days.



Scarves in various colors.



Zulaiha dresses herself with her handmade Abaya and scarf.



Sample handsewn Abaya by Zulaiha.

Upon receiving positive response for her initial online marketing efforts for her scarves, Zulaiha took the next step to sew some Abaya and other products. The business has since expanded to offer designs for Abaya upon customer's request at reasonable price.

Zulaiha explained that she started out with no sewing skills, but produced her first products by learning from YouTube videos and stitching blogs. Eventually, sewing became her hobby and she is delighted that she could run a business based on her interest.

Zulaiha understands that the quality of her products and services offered are very important to the success of her online business. To improve her sewing skills, she had joined a group named 'Geng Jahit' on Facebook. In this chat group, the members generously share their knowledge and experiences, enabling her to learn more sewing skills online.

In order to advertise her products on social media such as Facebook, Instagram, WhatsApp and Telegram, she has learnt to use new software applications such as Adobe Photoshop and Photoscape through YouTube and blogs for designing attractive photos to entice more buyers.

Today, her online business is well known throughout Malaysia including Sabah, Sarawak and Labuan and has regular customers who adore her handsewn products. To expand the business, she also sells her products in carnivals. Currently, she is collaborating with tailors to produce blouse, skirts and Syria veils and hired some agents to market the products.

Recently, her products have attracted attention from a bridal boutique and Zulaiha will begin collaborating with the boutique to produce Muslim wedding dresses. She hopes that her online business would continue to grow and to one day start a sewing factory.

Looking back on what motivates her, Zulaiha believes that the hardship in her childhood is what aspires her to be a successful entrepreneur, to improve herself and her family's quality of life. With decent income as a PI1M manager and the side income from her online business of about RM1,500 a month, she and her family can now enjoy a comfortable living. For Zulaiha, it is worth her every effort each time her customers express admiration for the creative products. Though she is sometimes tired from working two jobs; she feels satisfied.

Zulaiha has come a long way since graduating from her Mathematical Sciences degree course. It was the establishment of the PI1M in Bukit Diman in her hometown 5 years ago that led to her becoming a PI1M manager on 1 July 2013, which eventually opened the door to her becoming an online entrepreneur.



<https://www.facebook.com/CempakaSolehanCollection>



<http://instagram.com/chempakasolehahcollection>

Bakat Berpidato Seorang Kanak-kanak Terserlah Melalui PI1M

Name | **Nor Alia Binti Abdullah**
 PI1M | **PI1M Semenyih, Kampung Pasir Baru, Jalan Sungai Lalang, 43500 Semenyih, Selangor**
 Service provider | **Maxis Mobile Sdn.Bhd.**



Nor Alia berjaya membawa Kebanggaan Kepada Negeri Selangor, Daerah Hulu Langat, PI1M Semenyih, tabika KEMAS dan datuk nenek tersayang.

(Dari Kiri Ke Kanan) Pengurus PI1M Semenyih, Muhammad Akhbar Bin Kamal, nenek Nor Alia, Ramlah Binti Peeeye, datuk Nor Alia, Kamaruddin Bin Sirap, Nor Alia, guru tabika, Rohana Binti Che Ahmad dan pembantu tabika, Fauziah Binti Ithnin.

Nor Alia Binti Abdullah merupakan seorang kanak-kanak yang telah dicungkil bakatnya dalam pidato pada umur 5 tahun. Nor Alia pernah memenangi juara dalam Pertandingan Pidato Perempuan (Tabika) peringkat Parlimen dan peringkat Daerah Hulu Langat sehingga ke peringkat Negeri Selangor. Nor Alia telah mewakili Negeri Selangor ke pentas pertandingan pidato peringkat kebangsaan pada bulan November 2014 dan telah memenangi tempat keempat dalam pertandingan tersebut. Penubuhan Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) Semenyih telah menyediakan satu platform sebagai batu loncatan kepada kejayaan Nor Alia. Kecemerlangannya berpidato bukan hanya mengharumkan nama Kampung Semenyih dan daerah Hulu Langat, malah turut menjadi kebanggaan PI1M.

Nor Alia, si cilik yang berasal dari Kampung

Pasir Baru, Semenyih, tinggal bersama dengan datuknya, Kamaruddin bin Sirap, seorang petani dan neneknya, Ramlah binti Peeeye sejak dari kecil.

Setelah Nor Alia memasuki pra-sekolah di Tabika KEMAS (Jabatan Kemajuan Masyarakat), bakat yang ada di dalam diri Nor Alia telah disedari oleh gurunya, Rohana Binti Che Ahmad dan penolong guru, Fauziah Binti Ithnin secara tidak langsung. Nor Alia sangat petah berkata-kata dan mempunyai semangat tinggi serta tidak gentar menghadapi cabaran. Lalu Rohana telah mengambil langkah untuk melatih dan membimbing Nor Alia untuk berpidato tetapi beliau mendapati persekitaran di Tabika tidak sesuai untuk latihan pidato bagi Nor Alia.

Oleh itu, Rohana telah memilih Pusat Internet



Antara piala-piala yang pernah diterima oleh Nor Alia dalam pertandingan pidato peringkat Daerah Hulu Langat dan Negeri Selangor.

1Malaysia (PI1M) Semenyih yang baru ditubuhkan di hadapan Tabika KEMAS pada 9 Jun 2014 sebagai tempat latihan pidato untuk Nor Alia kerana perkhidmatan yang disediakan di PI1M seperti kemudahan komputer dan Internet boleh digunakan dengan sebaiknya.

Sejak Nor Alia mendaftar ahli PI1M pada 10 Julai 2014, PI1M telah memainkan peranan penting dalam membantu guru sekolah Tabika mengasah bakatnya sebagai seorang pidato. Di PI1M, Rohana telah mencari sumber-sumber maklumat dari Internet, menggunakan video atas talian melalui YouTube untuk mempelajari dan menambahbaik cara-cara berpidato Nor Alia. Nor Alia bukan sahaja belajar pidato di PI1M, malah dia juga suka menghadiri kelas pembelajaran secara interaktif untuk kursus latihan ICT asas bersama dengan kawan tabikanya.

Pada pandangan Rohana, PI1M merupakan satu pusat ilmu yang amat baik dan memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat setempat, misalnya memberikan kemudahan kepada penduduk setempat untuk menambahkan pengetahuan ICT malah telah memudahkan urusan seharian mereka seperti menguruskan kewangan di atas talian tanpa bergerak jauh ke bank yang terletak di pekan. Selain itu, pengurusan tenaga petugas PI1M yang cekap, mesra dan



Kegigihan Nor Alia dibimbing oleh Rohana dan dibantu oleh PI1M. Guru pembimbing sedang mengajar Nor Alia berkenaan gaya pidato yang betul.

bertanggungjawab dalam membantu masyarakat menjadi tarikan utama beliau untuk selalu mengunjungi PI1M.

Harapan Nor Alia ialah menyampaikan mesej melalui pidatonya bahawa ibubapa merupakan sumber inspirasinya. Di sebalik kejayaan Nor Alia, usaha gigih orang yang berada di sekelilingnya termasuk PI1M dan Rohana mengasah bakat agar Nor Alia menjadi seorang insan yang berguna dan seterusnya berjaya mengharumkan nama sekolah dan kampungnya juga tidak dilupakan.



Pendedahan Kepada ilmu ICT sejak kecil. Nor Alia dan rakannya sedang menggunakan komputer untuk pembelajaran secara interaktif di PI1M Semenyih.

Kejayaan Nelayan Tradisional Buta IT

Name | **Shamsudin Bin Mat**
 PI1M | **PI1M Kampung Setajam, Balai Raya Kampung Setajam, Mukim Endau, 26820 Kuala Rompin, Pahang**
 Service provider | **Telekom Malaysia Berhad**

Terimbas kembali seorang nelayan tradisional yang risau kehidupannya umpama 'kais pagi makan pagi, kasi petang makan petang' kerana hasil penangkapan ikan yang tidak menentu. Shamsudin Bin Mat, 51 tahun, kini tersenyum sendiri kerana kehidupannya telah bertambah baik dan gembira dengan pencapaian kerjayanya sejak menjejaskan kaki ke Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M) Kg. Setajam untuk menimba ilmu IT dalam mencari peluang untuk memajukan diri beliau.

Ayah kepada 7 orang anak ini hanya berpendidikan sekolah rendah dan telah menceburi bidang perikanan sejak beliau masih remaja. Setiap pagi beliau akan keluar ke laut berhampiran untuk menangkap ikan di mana hasilnya akan dijual kepada peraih tempatan. Teknik menangkap ikan yang beliau gunakan adalah teknik bubu yang telah lama digunakan sejak turun temurun. Bubu-bubu diletakkan di kawasan berhampiran batu karang selama beberapa hari sebelum diangkat semula untuk mendapatkan hasilnya. Namun terdapat beberapa kekangan yang menyukarkan beliau untuk mendapatkan lokasi terbaik untuk meletakkan bubu-bubu apabila cuaca berkabus menyebabkan beliau tidak dapat menentukan lokasi kedudukannya kerana beliau menggunakan teknik menentu lokasi dengan hanya berdasarkan tanda-tanda dari daratan. Beliau terpaksa pulang dengan tangan kosong sekiranya hal ini berlaku.

Selain itu, pengalaman yang beliau pelajari daripada ayahnya telah menghadkan lokasi tempat meletak bubu kerana tanpa alatan yang sesuai, beliau tidak pasti sama ada lokasi itu sesuai atau tidak. Oleh itu, beliau hanya meletak bubu di tempat yang pernah beliau gunakan sebelum ini.

Namun segalanya berubah setelah beliau mendaftar ahli PI1M Kg Setajam pada 18



Antara hasil tangkapan yang diperolehi.

November 2010. Di bawah panduan petugas PI1M, beliau telah mempelajari cara melayari internet untuk mencari maklumat berkenaan bidang perikanan untuk mengetahui lebih lanjut berkenaan teknologi perikanan yang sedia ada pada masa kini. Setelah menonton video-video berkenaan dengan cara penangkapan hasil laut melalui laman YouTube, barulah beliau sedar akan pelbagai peralatan canggih yang telah digunakan oleh nelayan lain di seluruh dunia. Antara peralatan yang menarik minat beliau adalah alat navigasi laut GPS (Global Positioning System) dan alat pengesan ikan Sonar (Sound Navigation and Ranging) iaitu sejenis alat bantuan elektronik yang digunakan untuk mengesan ikan di dasar laut. Dan akhirnya beliau telah membeli kedua-dua alat tersebut pada harga yang sangat berpatutan setelah membuat perbandingan harga di pelbagai laman web.

Berbekalkan ilmu yang dipelajari daripada YouTube di PI1M, Shamsudin telah mula menggunakan alat navigasi GPS dan alat pengesan ikan sonar untuk menjalankan pekerjaan harian beliau. Kini beliau sangat gembira kerana berpandukan alat navigasi GPS, beliau tidak perlu lagi risau jika cuaca berkabus hatta dalam gelap malam sekalipun beliau dapat memandu arah dan menentukan lokasinya pada setiap masa. Dengan alat pengesan ikan Sonar, beliau dapat mencari lubuk-lubuk baru yang lebih baik serta mempunyai banyak ikan untuk beliau jadikan lokasi baru meletak bubu. Dengan itu, hasil tangkapan ikan beliau telah bertambah sehingga RM900 sebulan berbanding sebelum ini dalam lingkungan RM450 sebulan. Lebih manis lagi kejayaan beliau turut dikongsi bersama para nelayan lain yang tinggal sekampung. Hampir kesemua nelayan tradisional di Kampung Setajam telah pun menggunakan alat-alat bantuan moden untuk memudahkan mereka bekerja serta menambah pendapatan mereka.

Pada pendapat Shamsudin, PI1M merupakan sebuah pusat ilmu untuk kegunaan semua tanpa mengira peringkat umur. Perkara yang menjadi tarikan utama baginya adalah tawaran untuk belajar menggunakan komputer secara percuma tanpa perlu berbelanja besar untuk membeli komputer dan melanggan internet. Selain itu, PI1M dapat banyak membantu individu mencapai kejayaan dengan cara menganjurkan bengkel dan kursus khas mengikut keperluan. Sehingga kini beliau masih mengunjungi PI1M sekiranya ada kelapangan atau terdapat keperluan untuk mendapatkan perkhidmatan di PI1M.

Oleh itu, beliau berharap pelbagai promosi perlu dipergiatkan lagi supaya lebih ramai penduduk sekitarnya mengenali penubuhan dan kebaikan PI1M di samping memanfaatkan kemudahan yang disediakan di PI1M dalam kehidupan seharian mereka.



Shamsudin telah berjaya menambah hasil tangkapan dengan menggunakan alat pengesan GPS (Kiri) dan alat pengesan ikan Sonar (Kanan).

Shamsudin amat gembira kerana ilmu IT yang dipelajari di PI1M telah memudahkan kerjanya sebagai nelayan malah telah menambahbaik kehidupannya. Beliau berharap lebih ramai nelayan juga dapat memajukan diri sepertinya.

Tahukah Anda?

Alat Navigasi GPS

- Sistem Kedudukan Sejagat, singkatan daripada Global Positioning System (GPS) dalam bahasa Inggeris yang merupakan sistem pandu arah yang menentukan kedudukan berdasarkan isyarat daripada satelit. Kedudukan sesuatu tempat atau benda (longitud, latitud dan altitud) boleh dikenalpasti dalam apa jua cuaca, masa dan tempat di bumi.

Tahukah Anda?

Alat Pengesan Ikan Sonar

Perkataan sonar, singkatan daripada 'Sound, Navigation and Ranging' dalam bahasa Inggeris, yang bermaksud bunyi, panduan dan jarak dalam Bahasa Melayu.

Alat pengesan ikan Sonar digunakan untuk mengesan jarak kedalaman air berpanduan gelombang bunyi yang dipancarkan ke dalam air berulang kali dalam setiap saat. Gelombang bunyi akan terpantul balik ke permukaan apabila mengenai objek dalam air. Melalui gelombang bunyi, sebarang objek di dalam air seperti ikan dan sebagainya yang dikesan akan dipantulkan kepada signal elektrik dan dipaparkan pada skrin paparan alat pengesan ikan Sonar.

Sekiranya ikan dikesan, paparan skrin akan menunjukkan bentuk seperti bulan sabit. Semakin besar dan banyak bulan sabit ini menandakan ikan berada dalam kumpulan besar dan banyak.

Pengalaman Sebagai Penolong Pengurus Pusat Internet 1Malaysia





Kisah Pengalaman Sebagai Penolong Pengurus Pusat Internet 1Malaysia (PI1M)



PI1M Felda Tenggaroh 3

**Lokasi PI1M Bangunan Belia Felda, Jalan Nuri,
Tenggaroh 3, 86810 Mersing, Johor.**

Pemberi Perkhidmatan DiGi Telecommunications Sdn. Bhd.

Nama Pengurus Haslinda Hazlin binti Abdul Hamid

Alamat E-mel haslinda__tenggaroh3@digicbc.com

Saya Haslinda Hazlin binti Abdul Hamid, 32 tahun, menjadi seorang wanita bekerja merupakan cita-cita saya sejak kecil lagi. Pada 7 Mac 2013, dengan perasaan bangga, bermulalah pekerjaan pertama saya sebagai penolong pengurus di Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) Felda Tenggaroh 3 di kampung halaman sendiri.

Setelah tamat pengajian Diploma dalam Sistem Maklumat di Institut Teknologi Info-Sains Mahir (MLVK) pada tahun 2004, saya telah mendirikan rumahtangga dan mempunyai 3 orang cahaya mata, memang mencabar bagi saya memikul tanggungjawab sebagai ibu dan penolong pengurus PI1M pada masa yang sama. Saya amat berterima kasih kepada keluarga dan suami kerana memahami serta memberi semangat dan dorongan untuk terus memberi komitmen terhadap kerjaya saya dengan baik di samping tidak mengabaikan keluarga.

Selain itu, seorang tokoh wanita yang saya amat sanjungi dan menjadi inspirasi saya ialah Ustazah Siti Nor Bahyah binti Mahamood di mana beliau merupakan seorang yang sangat berdedikasi dalam menjalankan tanggungjawabnya sebagai pendakwah serta seorang isteri dan ibu yang berjaya. Beliau seorang yang sangat tenang ketika menyampaikan ceramahnya di hadapan orang ramai. Saya berhasrat untuk menjadi sepertinya memandangkan kerjaya di PI1M memerlukan

saya berhadapan dengan pelbagai lapisan masyarakat untuk memberikan taklimat, mengajar kelas komputer dan keusahawanan, bermesyuarat serta menganjurkan pelbagai aktiviti bersama dengan penduduk setempat.

PI1M telah memberikan banyak peluang untuk pembangunan diri saya. Sebelum berkhidmat di PI1M, saya hanya duduk menguruskan rumahtangga, kurang bersosial serta mengikuti aktiviti yang dijalankan oleh komuniti di sini. Namun selepas menyandang jawatan sebagai penolong pengurus di PI1M, kemahiran komunikasi saya telah dipertingkatkan serta menjadi lebih peka dan rapat dengan komuniti setempat kerana sentiasa perlu berkerjasama dengan pihak Lembaga Kemajuan Tanah



Bersama peserta yang mengambil bahagian di dalam aktiviti yang dijalankan di PI1M.

Persekutuan (FELDA), Jawatankuasa Kemajuan dan Kebajikan Rancangan (JKKR), Gerakan Persatuan Wanita (GPW), dan sekolah-sekolah untuk pengajuran aktiviti inisiatif MCMC seperti program 1Citizen, Klik Dengan Bijak (KDB), Get Malaysian Business Online (GMBO), dan lain-lain lagi bagi mempromosikan PI1M kepada masyarakat setempat supaya mereka dapat menikmati manfaat penubuhannya.

Sepanjang tempoh saya berkhidmat, saya telah melatih ramai komuniti yang terdiri

dari pada golongan kanak-kanak, pelajar, belia mahupun lanjut usia melalui kelas latihan ICT secara percuma di PI1M. Jika sebelum ini, mereka kurang diberi pendedahan dan tidak mahir dalam menggunakan teknologi dan komputer. Kini mereka lebih berani untuk mencuba. Selain itu, saya juga meminta tunjuk ajar belajar daripada rakan sekerja di PI1M berhampiran berkaitan dengan teknologi untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan. Kemudahan internet di PI1M membolehkan saya mencari maklumat dan mengetahui isu-isu semasa pada waktu senang menjadikan saya lebih berfikir luas dan terbuka.

Banyak cabaran yang perlu dihadapi dalam menguruskan PI1M. Setiap individu mempunyai sikap dan pandangan yang berbeza. Antara cabaran saya ialah perlu merancang dan mengadakan aktiviti bersama komuniti dalam masa yang telah ditentukan dan perlu memikirkan cara-cara seperti menyediakan cenderahati atau makanan untuk menarik penyertaan penduduk setempat ke program tersebut. Selain itu, saya perlu memikirkan cara-cara untuk menarik perhatian daripada penduduk setempat yang masih tidak pernah mengunjungi PI1M untuk menggunakan perkhidmatan yang disediakan di sini.

Pada pendapat saya, usaha mempromosikan PI1M kepada masyarakat di sini perlu diperluaskan lagi memandangkan PI1M Felda



Bersama Ahli Jawatankuasa Felda Tenggaroh 3 semasa majlis sambutan Hari Raya.

Tenggaroh 3 terletak agak jauh daripada jalan utama. Papan tanda perlu diperbanyakkan supaya penduduk dari kawasan berhampiran juga mengetahui akan kewujudan PI1M.

Sebagai pesanan kepada petugas PI1M yang lain, amalkan sikap bertanggungjawab pada tugas yang diberikan, bertolak ansur, tegas, berfikir positif dan sedia menerima teguran serta memberi komitmen terhadap kerja walaupun terpaksa meninggalkan keluarga merupakan elemen penting dalam kerja sebagai penolong pengurus PI1M.



Penyampaian sijil kepada peserta Pertandingan Mewarna Kategori Dewasa.



Kisah Pengalaman Sebagai Penolong Pengurus Pusat Internet 1Malaysia (PI1M)



PI1M Lubok Antu

**Lokasi PI1M Bangunan Fort Arundell, Jalan Arundell,
95900 Lubok Antu, Sarawak.**

Pemberi Perkhidmatan Maxis Mobile Sdn Bhd

Nama Pengurus Laura Anak Anging

Alamat E-mel hlaura@cbcmaxis.my

Lubok Antu adalah sebuah daerah dan bandar di Sri Aman, Sarawak. Ia bersempadan dengan Indonesia. Penduduk di sini kebanyakannya berbangsa Iban dan terlibat dalam aktiviti pertanian.

Saya Laura Anak Anging, 26 tahun, berbangsa Iban, sentiasa bersyukur dan bangga kerana dapat menyumbang jasa dengan bekerja sebagai Penolong Pengurus di Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M) di tempat kelahiran saya, Lubok Antu, sebuah tempat bersejarah yang terletak di bahagian Sri Aman, Sarawak.

Terkenang kembali pengalaman mengajar pada kali pertama, perasaan saya bercampur baur, berasa sangat gementar tetapi teruja pada masa yang sama kerana tidak pernah mengajar dan tidak pasti sama ada saya mampu menjadi tenaga pengajar yang baik kepada komuniti saya. Namun bak kata pepatah yang berbunyi "kita tidak akan tahu kemampuan kita, selagi kita belum mencuba". Sepanjang 5 tahun bekerja di PI1M, saya telah berjaya mengajar komuniti di tempat saya mengenali dunia ICT, walaupun perlu mengajar mereka secara berperingkat dari peringkat paling asas seperti Microsoft Office memandangkan mereka masih mentah dan baru didedahkan dengan ICT. Walaupun ianya bukanlah kejayaan yang besar tetapi sangat bererti buat saya.

Berkerja di PI1M sejak 1 Julai 2010 telah banyak membantu saya mengenali dan bergaul dengan komuniti setempat dengan lebih dekat. Pekerjaan ini telah menjadikan saya berubah daripada seorang yang pemalu kepada seorang yang tidak lagi gugup dan berani berhadapan dengan orang ramai.



Tarikh 4 April 2012, adalah saat paling manis sepanjang bekerja di PI1M Lubok Antu kerana Datuk Idris Abdullah yang merupakan Ahli Suruhajaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah mengunjungi PI1M kami. Semasa lawatan tersebut, beliau telah memuji dan berminat dengan mini galeri yang terdapat dalam PI1M kami. Mini galeri tersebut mempunyai barang-barang tradisional masyarakat Iban, antaranya pakaian tradisional lelaki dan perempuan Iban, tikar, bakul, duku ilang, lampu tembaga dan baka'bako'pua kumbu. Saya dan pengurus PI1M, Jacqueline Anak Klinsing sangat berbesar hati dan berterima kasih kepada beliau kerana sudi melawat PI1M Lubok Antu.

Daerah Lubok Antu mempunyai anggaran penduduk seramai 27,984 orang yang kebanyakannya berbangsa Iban. Penubuhan PI1M sejak 17 April 2009 telah memanfaatkan penduduk setempat. Lokasi PI1M strategik kerana terletak berhampiran dengan kawasan tinggal penduduk. Yang menjadikan PI1M istimewa ialah latihan belajar menggunakan komputer, ilmu ICT dan keusahawanan yang ditawarkan tanpa mengenakan sebarang bentuk bayaran

Laura (Kanan) bersama pelajar S.K Lubok Antu semasa pertandingan mewarna sempena hari terbuka PI1M Lubok Antu pada tahun 2013.

pada ahli PI1M di samping menyediakan perkhidmatan internet serta kemudahan photostat dan pengimbas pada harga yang berpatutan yang telah menarik kunjungan daripada kebanyakan orang awam dan para pelajar sekolah ke PI1M.



Mini galeri mempamerkan barang-barang tradisional masyarakat Iban dan telah menarik perhatian Datuk Idris Abdullah, ahli Suruhajaya MCMC semasa lawatan di PI1M Lubok Antu pada 4 April 2012.

Namun bilangan komputer kadang-kala tidak mencukupi untuk menampung kegunaan penduduk setempat. Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya penambahan bilangan komputer dapat dipertimbangkan untuk masa akan datang bagi kegunaan dan kesejahteraan komuniti di sini.

Berkerja di PI1M memerlukan kesabaran yang tinggi kerana setiap hari perlu berdepan dengan komuniti yang pelbagai ragam datang menggunakan kemudahan di PI1M. Bagi penolong pengurus yang baru memulakan tugas di PI1M, saya mengucapkan selamat berkerja bersama komuniti dan selamat maju jaya. Walaupun masih baru dan tiada pengalaman berkerja dengan komuniti, kita harus memberanikan diri dan jangan takut mencuba.



Kisah Pengalaman Sebagai Penolong Pengurus Pusat Internet 1Malaysia (PI1M)



PI1M Felda Gunung Besout 1

**Lokasi PI1M Bangunan GPW Felda Gunung Besout 1,
35600, Sungkai, Perak**

Pemberi Perkhidmatan Packet One Networks Sdn. Bhd.

Nama Pengurus Normah Binti Sharif

Alamat E-mel normah.sharif@packet-1.com

Bekerja dan tinggal di kampung halaman sendiri merupakan hasrat saya setelah tamat pengajian. Apabila ditawarkan jawatan sebagai penolong pengurus Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) Felda Gunung Besout 1, tanpa berfikir panjang saya telah menerimanya dengan rasa bersyukur. Ternyata keputusan yang saya buat adalah tepat kerana saya bukan sahaja dapat tinggal dekat dengan keluarga tetapi pada masa yang sama dapat berkhidmat kepada komuniti di sini.

Pada Feb 2010, bermulalah tanggungjawab saya sebagai penolong pengurus PI1M. Sejak pembukaan PI1M pada 1 April 2010, sambutan yang diterima daripada komuniti setempat sangat menggalakkan terutama sekali daripada golongan kanak-kanak dan remaja. Hampir setiap hari PI1M dikunjungi oleh anak-anak tempatan yang begitu teruja dan berminat untuk mempelajari pelbagai ilmu yang berkaitan dengan ICT. Segala aktiviti seperti kelas komputer yang dijalankan di PI1M mendapat galakan dan sokongan daripada golongan ibu bapa kerana tanpa perlu keluar ke pekan terdekat, anak-anak mereka dapat mempelajari penggunaan komputer dan internet.

Sepanjang empat tahun menguruskan PI1M, pelbagai pencapaian dan perubahan yang telah saya saksikan dan saya rasa bertuah kerana menjadi salah seorang penyumbang dalam perubahan tersebut. Antaranya, saya pernah mengajar seorang pelajar sekolah menengah yang tidak tahu langsung menggunakan komputer tetapi setelah mengikuti kelas latihan yang dijalankan di PI1M, pelajar tersebut telah boleh menyiapkan latihan yang diberikan oleh guru dengan menggunakan laman sesawang di internet untuk mengulangkaji pelajaran tanpa bimbingan saya. Para ibu juga telah mula menggunakan internet untuk mencari resepi-resepi terkini malah ada sesetengah ibu yang telah mempunyai akaun laman sosial sendiri contohnya Facebook untuk bersosial dengan rakan-rakan sekampung melalui atas talian. Golongan belia juga turut mahir menggunakan aplikasi-aplikasi seperti Adobe Photoshop, Pencil, Microsoft Photo Story, Synfig Studio setelah menghadiri kelas latihan ICT yang disediakan di PI1M.

Menguruskan PI1M telah banyak memberi pengalaman baru kepada saya. Ini kerana sebelum bertugas sebagai penolong



Bersama peserta
Program Cuti Sekolah.

Program Klik Dengan Bijak (KDB)
bersama ibu bapa Felda Gunung Besout
1 diadakan di PI1M untuk memberi
pendedahan kepada cara penggunaan
internet dengan berhemah.



pengurus PI1M, saya pernah bekerja di bahagian pentadbiran sebuah syarikat dan hanya berurusan dengan pihak atasan dan pekerja sahaja. Kini, saya telah belajar untuk berkomunikasi dengan pengguna PI1M dari pelbagai peringkat umur dan berbeza karehannya supaya mereka berasa selesa ketika berurusan di PI1M. Selain itu, bekerja di PI1M juga telah mengajar saya supaya lebih bertanggungjawab, berani dan bijak dalam membuat sebarang keputusan. Saya juga berasa sangat bangga kerana dapat mengajar ilmu ICT kepada komuniti saya sendiri kerana ketika menamatkan pengajian pada tingkatan 5, komputer dan internet adalah sesuatu perkara yang sangat asing bagi saya. Kini dengan adanya PI1M, anak kecil seawal umur 4 tahun telahpun diajar menggunakan komputer.

PI1M yang sentiasa terlibat dengan pelbagai program seperti Hari Terbuka dan program pemberian Netbook 1Malaysia memerlukan saya untuk bijak mengendalikan masa di antara program-program yang dijalankan dengan tugas mengajar komuniti supaya masa kelas latihan ICT tidak terganggu. PI1M juga dijadikan tempat untuk komuniti setempat mendapat

tunjuk ajar dan khidmat nasihat yang berkaitan dengan penggunaan komputer dan internet. Oleh itu, saya perlu sentiasa peka dan bersedia membantu dari segi khidmat nasihat atau dari segi teknikal.

Pada pandangan saya, kewujudan PI1M telah banyak membantu komuniti luar bandar dalam mengurangkan jurang digital dan keciciran dalam penguasaan yang berkaitan dengan ICT. Namun, lebih banyak program-program kesedaran dan aktiviti-aktiviti perlu dijalankan supaya dapat menarik lebih ramai penduduk komuniti sini terutamanya warga emas untuk mempelajari kemahiran teknologi maklumat.

Keikhlasan, amanah, bertanggungjawab, bijak melaksanakan tugas dan bertolak ansur adalah sangat penting dalam menyandang tanggungjawab yang diberikan. Seperti kata seorang pakar motivasi Fadzli Yusof, "Kerja bukan setakat mencari MAKAN bahkan untuk mencari MAKNA"; biarlah kerja yang dilaksanakan itu ada nilai dan bukan hanya sia-sia. Nilai itu bukan hanya kepada komuniti tetapi juga kepada diri sendiri.



Kisah Pengalaman Sebagai Penolong Pengurus Pusat Internet 1Malaysia (PI1M)



PI1M Felda Lenga

Lokasi PI1M Balairaya Felda Lenga, 84040, Muar, Johor.

Pemberi Perkhidmatan REDtone International Berhad

Nama Pengurus Nur Hazwani Binti Abdul Majid

Alamat E-mel hazwani_lenga@redtonecbc.com

Saya, Nur Hazwani Binti Abdul Majid, berasal dari Kota Tinggi dan kini telah menetap di Muar, Johor. Felda Lenga adalah tempat saya memulakan kerjaya saya sebagai Penolong Pengurus di Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M) Felda Lenga sejak tahun 2012.

Banyak pengalaman dan pengetahuan telah saya perolehi sepanjang tempoh berkhidmat di PI1M. Saya seorang yang agak pemalu dan pendiam pada awalnya. Hal ini kerana sebelum saya bekerja di PI1M, bidang kerja saya yang dulu tidak memerlukan saya berjumpa mahupun bersemuka dengan orang ramai untuk berinteraksi dengan lebih kerap. Namun, bekerja dengan komuniti memerlukan keberanian untuk bercakap. Sentiasa perlu berjumpa dengan komuniti mahupun persatuan setempat telah memberikan peluang yang amat baik untuk saya mempelajari cara untuk berkomunikasi dengan berkesan dengan orang termasuk komuniti setempat dan pengurus PI1M, Salamah Ismail, 33 tahun. Kini, saya telah menjadi seorang yang berani untuk berhadapan dengan orang ramai. Melalui jambatan komunikasi yang baik, ia membantu saya berhadapan dan berkomunikasi dengan komuniti setempat yang pelbagai kariah dan ragam dan saya dapat menerima arahan tugas dengan jelas daripada pengurus PI1M malah kami boleh berbincang dan bertukar-tukar pendapat.

Di PI1M, saya perlu menyelenggarakan semua peralatan di PI1M dengan sebaik mungkin supaya operasi PI1M sentiasa berfungsi dengan lancar, hal ini saya dapat mempraktikkan teori kursus Sistem Maklumat Perniagaan yang telah dipelajari semasa di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). Di samping itu, saya perlu mengurus rekod dan inventori untuk setiap peralatan yang ada di dalam PI1M serta memastikan keadaan di dalam mahupun persekitaran luar PI1M berada dalam keadaan yang bersih dan teratur. Kadang-kala, saya perlu membuat laporan serta menguruskan dan merekod kewangan PI1M semasa ketiadaan pengurus PI1M.

Kerjaya ini telah membuatkan saya sentiasa perlu kuat semangat dan berfikir positif semasa menghadapi sebarang masalah dan cuba mencari penyelesaian yang terbaik bagi setiap masalah yang dihadapi. Saya dan pengurus perlu bersabar dan menjelaskan objektif penubuhan dan operasi PI1M dengan sebaiknya supaya tanggapan sesetengah komuniti yang beranggapan bahawa PI1M adalah seperti cybercafé dapat diubah. Komuniti khususnya golongan ibu dan pelajar sekolah menyambut baik kehadiran PI1M dalam komuniti mereka. Mereka sentiasa memberi sokongan dan bersemangat untuk menghadiri kelas latihan ICT yang ditawarkan secara percuma malah turut menyertai setiap aktiviti



Bersama rakan sekerja PI1M.

yang dijalankan di PI1M Felda Lenga sejak bermula operasinya pada 21 Mac 2010. Hal ini membuatkan saya lebih teruja untuk memberi sumbangan kepada pembangunan komuniti dalam dunia IT ini. Malah, badan-badan kerajaan dan persatuan yang ada di sini juga memberi dorongan dan sokongan kepada PI1M untuk melakukan aktiviti yang boleh membantu komuniti maju setanding dengan komuniti yang ada di bandar. Melihat penduduk di sini makin hari makin mahir menggunakan komputer dan telah berjaya menaiktaraf tahap kehidupan mereka telah membawa suatu kepuasan yang amat berharga bagi saya.

Kerjaya sebagai penolong pengurus PI1M ini mempunyai cabarannya. Cuma kita perlu bukakan hati, minda dan tangan dengan seikhlasnya



Bersama ahli belia Felda Lenga ketika mengadakan Program Celik IT.

menerima tugas ini sebagai kerjaya. Apabila berdepan dengan masalah jangan cepat putus asa dan berfikir negatif. Positif dan sabar adalah salah satu kunci untuk berkhidmat sebagai penolong pengurus di PI1M.



Kelas latihan asas komputer bersama Persatuan Wanita Felda Lenga.



Kisah Pengalaman Sebagai Penolong Pengurus Pusat Internet 1Malaysia (PI1M)



PI1M Lawas

**Lokasi PI1M Flat 1, Lot 493, Tingkat 1, Jalan Pantai,
Pekan Lawas, 98850 Lawas, Sarawak.**

Pemberi Perkhidmatan Time Dotcom Berhad

Nama Pengurus Noor Ikhrum Bin Matali

Alamat E-mel iqram_akim@yahoo.com

Saya Noor Ikhrum Bin Matali, berasal dari daerah Lawas, Sarawak. Saya berasa gembira dapat melaksanakan tanggungjawab sebagai Penolong Pengurus di Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) Lawas kerana saya mempunyai minat yang mendalam dalam mendidik dan memberi pengetahuan kepada masyarakat luar bandar tentang teknologi maklumat dan kepentingannya dalam kehidupan seharian mereka pada masa kini.

Sejak berkhidmat pada tahun 2011, banyak perubahan dalam kehidupan telah saya alami di mana ekonomi keluarga saya semakin baik dan saya memiliki waktu bekerja yang tetap serta mempunyai pekerjaan yang stabil. Selain itu, pengetahuan saya dalam bidang teknologi maklumat semakin mendalam kerana saya boleh mempelajari dan berkongsi maklumatnya dengan masyarakat setempat. Namun saya tidak pernah berhenti untuk membuat kajian dan mendalami ilmu bidang ini kerana teknologi maklumat sentiasa bertambah dan berubah mengikut peredaran masa.

Selama 3 tahun ini, pengalaman yang paling membanggakan saya ialah apabila berjaya menjalankan Kursus 1Citizen secara berperingkat dan kebanyakan peserta kursus telah lulus dengan markah yang membanggakan. Kursus ini adalah adalah satu kursus berkaitan dengan

teknologi maklumat dan etika berkomputer yang ditawarkan secara percuma kepada ahli PI1M. Sijil turut ditawarkan kepada ahli yang lulus dalam peperiksaan dalam program Kursus 1Citizen. Sambutan daripada masyarakat setempat kepada kursus ini amat memberangsangkan sehingga saya dan pengurus PI1M, Mohd Shamsul Bin Yusuf tidak menang tangan untuk memenuhi permintaan ramai yang ingin menyertai kursus yang bermanfaat ini.

Di samping rasa manis, kadang kala pun ada rasa pahitnya dalam kehidupan kita. Pada permulaan penubuhan PI1M di Lawas pada 15 April 2010, kami menghadapi cabaran untuk menarik perhatian daripada masyarakat sini yang kebanyakan terdiri daripada bangsa Melayu, etnik Lun Bawang dan Kedayan untuk memahami kewibawaan dan kepentingan PI1M kepada mereka. Tetapi, semakin matang usia PI1M ditambah dengan usaha gigih kami mempromosikan PI1M, akhirnya PI1M telah menjadi buah mulut dan dikenali ramai orang sini. Mereka telah memuji PI1M adalah satu projek kerajaan yang sangat baik kerana dapat merapatkan jurang teknologi maklumat di luar bandar dengan dunia luar. Kini mereka berharap PI1M boleh kekal berkhidmat selamanya.


Di samping itu, Bandar Lawas adalah satu pekan



**Penduduk Setempat
menimba pengetahuan
komputer di Kursus
Bengkel Asas
Komputer.**



**Penduduk
Setempat menimba
pengetahuan
komputer di
Kursus Bengkel
Asas Komputer.**



Lawas adalah sebuah pekan kecil dan ibukota Daerah Lawas di bahagian Limbang di utara Sarawak. Ia seluas 2,812km persegi dan berlokasi 1,200km dari ibu negeri Sarawak, Kuching dan 200km dari ibu negeri Sabah, Kota Kinabalu.

sedang membangun dan terletak di antara negeri Sabah dan Sarawak dan negara jiran, Brunei. Di Bandar Lawas, mempunyai sekurang-kurangnya 15 kafe siber yang menyediakan kemudahan internet dan permainan video. Golongan remaja selalunya mudah tertarik dengan permainan video yang menyeronokkan dan secara jujur saya berpendapat ia tidak memberi faedah kepada remaja dan masyarakat secara amnya. Oleh itu, saya juga menghadapi cabaran untuk menarik golongan remaja untuk berkunjung menggunakan perkhidmatan yang disediakan di PI1M. Kebanyakan pengguna PI1M adalah daripada golongan wanita dan kanak-kanak kerana mereka berasa selamat dan selesa berada di PI1M. Oleh itu, biasanya ibu bapa menghantar anak mereka ke PI1M kerana mereka percaya bahawa anak mereka akan diawasi dan diajar menggunakan internet dengan beretika. Saya tidak pernah berputus asa untuk

menjadikan PI1M sebagai satu platform yang terbaik untuk masyarakat di sini untuk mempelajari teknologi maklumat dan menjadi pusat sumber maklumat.

Akhir sekali, nasihat saya kepada para penolong pengurus yang baru agar berani mencuba dan menghasilkan idea baru, banyakkkan membaca dan sentiasa mengikuti perkembangan teknologi maklumat yang bergerak maju. Ikhlas hati untuk membantu masyarakat di kawasan anda, kerana anda adalah orang yang terpilih.



Kisah Pengalaman Sebagai Penolong Pengurus Pusat Internet 1Malaysia (PI1M)



PI1M Kg. Seperi

**Lokasi PI1M Pusat Jalurlebar Komuniti,
JKKK Bengkel Kraftangan, Kg Seperi,
71650 Titi, Jelevu, Negeri Sembilan**

Pemberi Perkhidmatan Telekom Malaysia Berhad

Nama Pengurus Mohd Khairul Hazwan Bin Mohd Zaini

Alamat E-mel uluspri@pi1m.com.my

Bekerja di kawasan kampung merupakan cabaran baru bagi saya secara keseluruhannya dari segi perbezaan budaya dan aktiviti komuniti. Saya rasa bersyukur kerana diterima bekerja di Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) Kg. Seperi, kerana saya dapat melakukan tugas-tugas yang berbeza dan dapat bergaul dengan setiap peringkat umur. Sebelum saya pergi lebih jauh tentang perjalanan indah sebagai penolong pengurus di PI1M Kg. Seperi, saya ingin memperkenalkan diri, nama saya Mohd Khairul Hazwan bin Mohd Zaini. Saya dibesarkan di Jelevu bersama nenek saya dan telah berpindah ke bandar pada umur 9 tahun setelah ibubapa saya tamat pengajian di England.

Setelah tamat pengajian diploma dalam kejuruteraan awam di Infrastructure University Kuala Lumpur pada 2011, saya mula bekerja di bandar kerana beranggapan secara amnya bahawa bandarlah tempat yang menyediakan banyak peluang pekerjaan, tetapi saya merasakan kesesakan lalu lintas dengan kos kehidupan yang tinggi membuatkan saya menyedari bahawa saya lebih suka kehidupan yang lebih aman dan selesa. Lalu saya telah memohon pekerjaan penolong pengurus PI1M melalui portal pekerjaan di internet dan akhirnya diberi jawatan bermula awal tahun 2013. Yang lagi menggembirakan saya, saya dapat tinggal

bersama dengan nenek saya semula kerana jarak rumah nenek ke PI1M Kg. Seperi hanya 13km.

Walaupun saya merupakan orang baru di Jelevu, tetapi layanan penduduk kampung yang mesra membuatkan saya dapat menyesuaikan diri dengan cepat. Di sini, saya juga telah menternak ayam secara kecil-kecilan di kawasan rumah nenek saya sebagai sumber makanan dan pendapatan sampingan. Kalau dulu ketika di bandar pada pukul 7 pagi saya bersesak-sesak di lebuhraya, kini saya mampu memberikan makanan kepada ternakan ayam saya sebelum bersiap sedia pergi bekerja di PI1M Kg. Seperi.

Sebagai penolong pengurus PI1M, tanggungjawab saya adalah memastikan jurang pengetahuan IT di antara penduduk bandar dan kawasan luar bandar dapat dikurangkan dengan mengadakan kelas latihan ICT dan keusahawanan secara percuma kepada komuniti sini. Dengan itu, mereka telah diajar untuk menggunakan kemudahan internet yang disediakan di PI1M untuk kegunaan seharian termasuk menjalankan perniagaan atas talian yang secara tidak langsung dapat mempertingkatkan pendapatan mereka dan mempunyai kehidupan yang lebih terjamin. Perniagaan atas talian umpama perniagaan dijalankan di dunia tanpa sempadan. Dalam



zaman kini, pengusaha kecil telah mampu bersaing dengan syarikat-syarikat yang besar dengan memperkenalkan produk buatan sendiri sehingga ke tahap antarabangsa tanpa mengira di mana mereka berada pada kos yang rendah.

Dalam kerjaya ini, komunikasi memainkan peranan yang amat penting dalam menjalankan tugas sebagai penolong pengurus PI1M. Pada pendapat saya, golongan remaja merupakan golongan yang perlu diberi perhatian kerana mereka masih muda dan boleh dibentuk menjadi seorang yang berguna kepada komuniti. Saya cuba mendekati golongan remaja dengan mengajak mereka bermain bola sepak dan futsal pada masa lapang. Pada waktu itu, saya berpeluang berinteraksi dan menggalakkan mereka mengunjungi dan menggunakan kemudahan yang disediakan di PI1M supaya dapat mengelakkan mereka daripada terjerumus dalam aktiviti tidak sihat seperti vandalisme dan lain-lain.

Baru-baru ini saya berjumpa kawan saya yang terlibat dalam bidang animasi dan 3D. Beliau baru sahaja mendapat geran Dana Pembangunan Industri Kreatif (DPIK) daripada MCMC untuk membuat produksi animasinya. Dana ini bertujuan untuk memudahkan dan menggalakkan rakyat Malaysia dalam penghasilan, penerbitan dan penyebaran kandungan multimedia berdaya cipta tinggi dan berupaya dipasarkan di pasaran tempatan dan antarabangsa. Yang menjadi masalah kepada mereka ialah kekurangan tenaga pekerja dalam

Bersama dengan peserta program Kempen Pengguna Bijak & Keusahawanan (KPBU) di PI1M. Kursus ini dibuka kepada penyertaan belia bagi mendidik mereka lebih beretika ketika melayari internet dan menggalakkan mereka mempromosi produk di internet seperti di Facebook, blog, Instagram dan lain.



sektor animasi. Saya rasa alangkah baik jika PI1M memperkenalkan kursus belajar animasi dan 3D kerana tidak ramai rakyat Malaysia terlibat dalam bidang animasi dan 3D. Saya kagum dengan keberkesanan produksi animasi tempatan Upin Ipin dan Boboiboy yang mampu bersaing dengan produk animasi dan 3D dari luar negara.

Meraih jaguh dalam Pertandingan Futsal bersama dengan penduduk kampung. Khairul (berdiri, ke-2 dari Kanan).

Nasihat saya kepada penolong pengurus yang baru ialah kita hendaklah jujur dan menghargai pekerjaan sebagai penolong pengurus dengan penuh rasa bangga kerana ia merupakan pekerjaan yang mampu meningkatkan jati diri sebagai seorang rakyat Malaysia.



Berkesempatan mengenali rakan sekerja, (Kiri) Farid Rizuan bin Mohd Ghazali, penolong pengurus Kancong Darat, Selangor semasa menghadiri Kursus Penolong Pengurus di Holiday Villa Subang Jaya.

Elak Daripada Serangan 'Phishing'

'Phishing' adalah satu bentuk penipuan dalam talian yang berniat untuk mencuri maklumat atau identiti seseorang menerusi e-mel. Maklumat peribadi yang diperolehi dengan cara 'phishing' ini digunakan oleh pencuri untuk masuk ke dalam akaun bank mangsa dan mencuri wang mereka.

Untuk penjenayah siber berjaya "memancing" maklumat peribadi anda, mereka perlu mengarahkan anda ke laman web yang kelihatan seperti laman web yang sah. Ini dilakukan dengan menghantar emel yang kelihatan seperti dihantar oleh institusi kewangan anda dengan pautan

terbenam yang akan membawa anda ke laman web palsu apabila anda klik padanya.

Apabila anda masukkan butiran anda dan menghantarnya melalui laman web palsu tersebut, maklumat tersebut akan diambil oleh penjenayah siber untuk mencapai maklumat peribadi anda, misalnya, butiran perbankan Internet anda.

Orang akan mengklik pada pautan tersebut tanpa memeriksanya terlebih dahulu kerana emel ini selalunya mewujudkan rasa ketakutan akan kerugian dari segi kewangan dengan:-

1. Mengancam akan menutup atau menggantung akaun anda jika anda tidak membalas.

2. Mendakwa akaun anda telah terjejas atau terdapat aktiviti penipuan pada akaun anda.

3. Mendakwa bank telah hilang maklumat keselamatan penting dan perlukan maklumat anda untuk mengesahkan akaun anda.



Peringatan!

1. Jangan berikan sebarang maklumat peribadi kepada permintaan tanpa diminta. Ingat! Tiada bank yang akan meminta ID pengguna dan kata laluan melalui emel, SMS atau telefon. Tanya bank anda jika anda tidak pasti.
2. Jangan gunakan Kafe Siber, Komputer yang dikongsi atau Wi-Fi percuma untuk mengakses perbankan Internet anda.
3. Menghapuskan *cache*, *cookies*, kata laluan tersimpan, fail dan nama pengguna dalam pelayar adalah amalan yang baik.
4. Hafal kata laluan atau nombor pengenalan peribadi anda. Cipta yang paling kompleks dan kreatif yang anda mampu dan jangan catatkan di mana-mana.
5. Amalan terbaik adalah menggunakan kata laluan yang berlainan untuk transaksi perbankan dan e-mel atau komputer anda.
6. Sentiasa periksa URL bank anda. Perhatikan pautan pada URL ialah [https://](https://www.bank2u.com) bukan [http://](http://www.bank2u.com) apabila anda log masuk.
7. Cari ikon Keselamatan (mangga terkunci) di status bar apabila anda melawat laman web bank tersebut.

Sila laporkan kepada institusi kewangan anda sekiranya terdapat kes 'phishing' untuk mengesahkan status akaun dan tukar kata laluan.


Laporkan e-mel 'phishing' kepada MCMC untuk tindakan segera melindungi pengguna internet di Malaysia daripada serangan itu.

Emel aduan : antiphishing@cmc.gov.my @ aduanMCMC@cmc.gov.my

* Sumber: Klik Dengan Bijak (Bahagian Jangkauan dan Penglibatan, MCMC)

Panduan Komunikasi Semasa Banjir

Beri laluan kepada komunikasi operasi mencari dan menyelamatkan



Jadilah individu yang bijak dan bertimbang rasa
Kerjasama anda mampu menyelamatkan nyawa

#timbangrasa



MCMC Initiatives





Broadband Empowered Entrepreneur (BEE) Award 2014

What is BEE 2014?

Harnessing the Power of Broadband Connectivity for Business Growth

The Broadband Empowered Entrepreneur Award (BEE 2014) is an award created by the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) to honour local entrepreneurs who have succeeded in developing and transforming their conventional businesses to online businesses. Those with the most inspiring, outstanding and successful stories were selected for the award.

The bee symbolizes a notable trait, which is hard work. Bees are also known for their efficiency and productivity, which represents the continuous success of each recipient of this prestigious award.

Who Is Eligible?

Nominees must fulfill these criteria: -

Have innovative elements embedded into their business venture which would create value and generate a potentially successful long-term income.

Business venture linked to any of the following platforms: -

- 1Malaysia Internet Centre (PI1M)
- 1Malaysia Wireless Village (KTW1M)
- Community Broadband Libraries (PIL)
- u-Library (u-Pustaka)

Business venture that relates to any of the following programmes:

- Digital Lifestyle Malaysia (DLM)
- Click Wisely (KDB)
- Get Malaysian Business Online (GMB0)

Five outstanding online entrepreneurs have received the BEE Award 2014 and cash prizes worth RM 5,000 each. They are:



Sereni Linggi and Shentel Lee, Sereni & Shentel headband designers



Goh Ai Ling, co-founder of infographic design app, Piktochart



Nurhidayah Hassan, founder of Hidy Apparel and Cipela Shoes



Khairil Iszuddin Ismail, creator of e-books portal E-Sentral.com



Edwin Meru, Ba'kelalan natural environment photographer and blogger

More Information

Videos of BEE success stories are available at <http://www.skmm.gov.my/Media/Video-Gallery/BEE-Award-2014.aspx> while information about the BEE award could be found at <http://mcmc.gov.my/BEE-2014/Broadband-Empowered-Entrepreneur-Award-2014-%28BEE-2.aspx>

Source: Digital Initiative Division, MCMC



"Broadband has proved that location was not an obstacle to progress in business. For entrepreneurs who are dedicated and brave to try something new, they managed not only to market their products throughout the country, but also around the world via Internet."

MCMC Chairman (2011 - 2014),
Dato' Mohamed Sharil Mohamed Tarmizi



"The digital lifestyle was expected to be the next major push in information and communications technology use to ensure better quality of life, better efficiency and competitiveness."

Communications and Multimedia Minister,
YB Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek



A proud moment.. (2nd from right) Edwin Meru, a natural environment photographer and blogger from Ba'kelalan, Sarawak happily received certificate of achievement and RM5,000 cash prize as an honour of BEE Award from YB Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Communications and Multimedia Minister (3rd from right) and Dato' Mohamed Sharil Mohamed Tarmizi, MCMC Chairman (3rd from left) during KL Converge 2014 at Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Edwin Meru is accompanied by his wife (right) during the ceremony.

Fikir Sebelum 'Klik'!

Jenayah Siber Berlaku Tanpa Sedar

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, jumlah pengguna Internet di Malaysia semakin bertambah. Perkembangan ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor, antaranya seperti peningkatan kadar penembusan jalur lebar dan kadar penembusan selular di seluruh Malaysia.

Perkembangan jumlah pengguna Internet di Malaysia ini turut memainkan peranan penting dalam mencorak landskap media baru di Malaysia.

Penggunaan Media Baru Di Malaysia

Secara ringkasnya, media baru adalah platform media yang memiliki 3 sifat utama iaitu integrasi, interaktif dan digital. Media baru dilihat sebagai satu wadah baru dalam dunia komunikasi. Berdasarkan sifat media baru yang interaktif dan digital, rata-rata masyarakat Malaysia menggunakan media baru sebagai salah satu pemudah cara dalam melaksanakan

rutin harian. Antara kegunaan media baru di Malaysia adalah:

- Komunikasi
- E-Dagang
- Kesihatan
- Pendidikan

Melihat kepada aliran perkembangan penggunaan media baru di Malaysia, didapati sebilangan besar rakyat Malaysia menggunakan media baru untuk tujuan komunikasi. Ini boleh dilihat melalui statistik jenis laman web yang kerap dilayari oleh pengguna Internet di Malaysia. Berdasarkan statistik tersebut, pada tahun 2014, laman sosial Facebook merupakan antara laman web yang paling banyak dilayari di Malaysia, diikuti dengan laman enjin pencarian Google.com dan Google.com.my. Ketiga-tiga laman web tersebut dilengkapi dengan kemudahan mesej peribadi, mesej berbual serta emel untuk berkomunikasi. Maklumat lanjut mengenai aliran terkini penggunaan media baru adalah seperti di sebelah kanan:

Laman Tertinggi Dilayari Pengguna Internet di Malaysia (2014)

- 1 Facebook.com
- 2 Google
- 3 Google.com.my
- 4 Youtube.com
- 5 Gigacircle.com
- 6 Blogspot.com
- 7 Yahoo.com
- 8 Wikipedia.org
- 9 Maybank2u.com.my
- 10 Mudah.my
- 11 Blogger.com
- 12 Live.com
- 13 Twitter.com
- 14 Lelong.com.my
- 15 Ask.com
- 16 Wordpress.com
- 17 Lowyat.net
- 18 Malaysiakini.com
- 19 Thestar.com.my
- 20 LinkedIn.com

145.0%
KADAR PENEMBUSAN SELULAR

67.8%
KADAR PENEMBUSAN JALUR LEBAR

7,006,000
JUMLAH LANGGANAN JALUR LEBAR

43,789,000
LANGGANAN SELULAR

PENGUNA INTERNET DI MALAYSIA

43.6%
56.4%

Jenayah Melalui Media Baru Di Malaysia


Perkembangan media baru yang pesat turut mendedahkan pengguna Internet kepada ancaman jenayah dalam talian. Ini kerana kebanyakan penjenayah beranggapan bahawa jenayah yang berlaku di alam siber sukar dikesan.

Kandungan media baru yang memenuhi elemen-elemen kesalahan seperti sumbang, lucah, palsu mengancam atau jelik boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 211 dan 233 Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998.

Dari Januari hingga Oktober 2014, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah menerima sebanyak 2,103 aduan dari orang ramai untuk pelbagai jenis kesalahan yang dilakukan dalam talian. Daripada jumlah itu sebanyak 1,527 kesalahan dalam talian dilaporkan berlaku di laman sosial media. Statistik pecahan aduan mengikut jenis perkhidmatan Internet adalah seperti di bawah:

* Peringatan:

Bukan semua kesalahan yang dilakukan melalui platform media baru adalah di bawah bidangkuasa MCMC. Terdapat juga kesalahan-kesalahan dalam talian yang menyalahi undang-undang lain antaranya seperti Kanun Keseksaan, Akta Hasutan 1948, Akta Hakcipta 1987 dan banyak lagi.



Pecahan aduan mengikut jenis perkhidmatan Internet

JENIS KESALAHAN-KESALAHAN YANG DILAKUKAN MELALUI MEDIA BARU

- Penipuan jual beli dalam talian
- Penyebaran kandungan palsu/tidak benar
- Memuatnaik dan menyebarkan kenyataan/gambar/video berunsur fitnah
- Memuat naik dan menyebarkan kandungan jelik yang menyentuh sensitiviti kaum/agama
- Penyamaran/penyalahgunaan/pemalsuan identiti
- Pornografi/kandungan lucah/tidak sopan
- "Stalking"
- Penipuan ("fraud"/"scam")
- Ugutan fizikal/pemerasan (Meminta wang ringgit)
- Penjualan barang curi dalam talian

Jenis-jenis kesalahan yang biasanya dilakukan melalui media baru.

Kawal Seliaan Kendiri

Orang ramai disarankan untuk mengamalkan kawal seliaan sendiri ketika berkomunikasi melalui media baru supaya tindakan kawal seliaan sendiri dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

- 1 Menjaga etika semasa mengutarakan pandangan dan kritikan di laman media sosial.
- 2 Membaca dan memahami terma dan syarat platform sosial media atau laman web yang dilayari.

Sumber: Jabatan Media Baru, MCMC

He Says

YBhg. Datuk Idris bin Abdullah



Datuk Idris was appointed as a MCMC Commission Member in 2008. He holds a First Class Bachelor of Law (Honours) from University of Malaya (1981).

Datuk Idris is currently senior partner at Idris and Company Advocates in Kuching, Sarawak. He is the Director of Xian Leng Holdings Berhad (listed on Malaysian Stock Exchange) and Director of Malakoff Corporation Berhad.

Datuk Idris is also a Commission Member of the Companies Commission of Malaysia (SSM) and Director of Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Malaysian Development Bank) until recently.

Q: We know that you were born and raised in Sarawak. What was your childhood like? How did people connect with others in your village and with others far away?

A: My childhood was fun. I basically was brought up by my maternal grandfather so we spent time between my parents' government quarters in Batu Lintang, Kuching and my grandfather's longhouse in Awik, Ulu Kamidan, Saratok where my grandfather had a few small parcels of rubber trees. We did not have any phones until I was well in my teens and the only communications was via the telegraph at the Post office and some "old school" telephones at some Government offices. In the villages if there was a message to be sent you would convey it by mouth by going to the next village on foot or by boat. In grave situations, you would go to the nearest district office who would pass the message to Radio Sarawak who would broadcast the news on shortwave radio.

Q: Looking back from where you came, would you say you have achieved success? What are your proudest moments in your life?

A: Looking back I would say I have been moderately successful and my proudest moments are when I see my children, relatives and friends doing well.

Q: You are well known to be passionate about MCMC's USP initiatives to bring telecommunications to rural and underserved areas. What inspires you to do this?

A: I love and admire the spirit and thought behind the USP rural/underserved programs as I believe modern communications will bring knowledge and information to the geographically or economically underserved. In the rural areas of Sabah and Sarawak, communications often means the difference between life and death as clinics and hospitals are scarce and far away from the villages. We cannot practically bring every child from the interior longhouses to New York but we can bring New York to them via the internet so the children will have a much wider perspective of the world.

Q: When did you move out from your hometown to further your studies? How would you contact your family members who remained far away in your hometown?

A: I went to University Malaya in 1977 to study Law and the only way to contact my parents was either by letter or by telegram if it was urgent.

Q: Why did you choose to study Law?

A: I originally wanted to do Medicine but I didn't do too well in my Form 5 in the core science subjects. Then I switched to the Arts stream in Form 6 and those days the best course for Arts stream students was Law.

Q: Can you share with us about your career after graduation? What is your ambition at that time? Have you achieved it?

A: I worked as a legal assistant and in house company lawyer in the first few years of my working life and participated in several small businesses with my hometown mates. In 1985, I opened my own practice and practiced law though I continued to be involved in a number of businesses. My ambition initially was to be a politician and that apparently was not meant to be, so you could say I didn't achieve my ambition.

Q: Can you share with us about your family? How many kids do you have? How do you allocate your precious time between work and your family?

A: I had 6 children though my elder daughter passed away some years back in childbirth, so I have 5 children left ranging from 17 to 30 year-old. I try to catch up with them as often as I can, but at times that's a bit tough especially when they were studying in universities or overseas.

Q: Looking back to your time as a child, how would you compare the communication methods available in those days with today? Do you think MCMC is making a difference through its USP initiatives in rural areas since 2002?

A: From my own observations, MCMC has brought tremendous changes to the rural areas in the last few years and this will bring knowledge and awareness to the rural communities. We will see in the next few years a big leap in the intellectual and business knowledge base in rural areas which will bring major improvements for the rural folk.

Q: Knowledge is wealth and it's good to see rural people being exposed to information and knowledge through ICT training provided for free at MCMC's Pusat Internet 1Malaysia (PI1M). However, we are concerned with maintaining the people's interest in coming to the PI1Ms. What do you think are some of the ways we can attract rural people to continue to use PI1M as their knowledge center?

A: It is important to understand that our PI1Ms serve different types of tribes and peoples in Sabah and Sarawak and therefore it is critical that each PI1M must consciously address the needs of different communities through the content and education we carry on our portals or platforms. At the same time, strong effort must be made to make the PI1Ms a truly community effort to ensure participation of all levels of the local community. Thus PI1M staff must understand the community they are serving and bring in the local community leaders and elders to participate in the running of the PI1M. We will encourage local 'ownership' of the PI1M. We need also to popularize and make viral the local cultural or geographical features off each community creating 'local' content that will leverage on such features and address specific needs of the community.

Q: Many apps and content has been developed, mostly for commercial use. MCMC is now looking into developing apps for rural users. Based on your experience, what would you suggest as the areas that we should focus on? Do you have any ideas about content or apps that will improve the lifestyle of users in rural areas?

A: As far as possible we should try to find apps that will assist the local folks in increasing their educational levels, awareness and to assist in improving their livelihoods. For example, online markets for local produce that will assist them to get better prices for their products as well as providing them with access to payment and delivery systems. Whilst education should be a very strong theme, there should also be a strong enterprise element while at the same time emphasizing a strong civic consciousness and ethical online conduct.

Q: Online business is the trend now where people use social media, blog and social chat to start or expand their business. Can you comment on this trend?

A: I agree there has been a strong momentum behind getting business online but I also believe we should pay attention to assisting the rural and underserved to access reliable payment and efficient delivery environment. Thus we should perhaps look at developing collaboration with online payment providers and the post office or Poslaju or courier companies. This will also in the longer term contribute to the long term sustainability of the PI1M programme.

Q: Datuk, you have an impressive resume and you seem to be such a busy person. How do you still find time to be so involved as MCMC's Commission Member?

A: The truth is that I have retired from quite a few of my positions such as on the Companies Commission (where I served close to 8 years) and Boards as I needed a bit of time for my family and also to spend a bit of time on angling which I enjoy. This has also enabled me to spend more time to focus on MCMC especially the USP rollouts.

HUBUNGI KAMI

MCMC – PEJABAT PRIMA 1

Prima Avenue 1,
Blok 3507, Jalan Teknokrat 5,
63000 Cyberjaya,
Selangor Darul Ehsan.
Tel: +603 8688 8400
Faks: +603 8688 1051

BIRO ADUAN MCMC

Aduan MCMC Hotline: 1800-888-030
Aduan dalam talian: <http://aduan.skmm.gov.my>
Faks: +603 8688 1880
Emel: aduanskmm@cmc.gov.my
SMS: SKMM ADUAN [Butir-butir aduan]
SMS kepada 15888

PEJABAT-PEJABAT WILAYAH

PEJABAT WILAYAH UTARA

Tingkat 1, Bangunan Tabung Haji,
Jalan Bagan Luar,
12000 Butterworth,
Pulau Pinang.
T : +604 323 8228
F : +604 323 9448

PEJABAT WILAYAH UTARA (CAWANGAN PERAK)

Aras 12, Perak Techno-Trade Centre (PTTC),
Bandar Meru Raya, Jalan Jelapang,
30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.
Tel : +605 527 2913
Fax : +605 526 1633

PEJABAT WILAYAH TENGAH

Aras 17, Wisma Sunway
1, Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C,
Section 9, 40100 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
Tel : +603 5518 7701
Faks : +603 5518 7710

PEJABAT WILAYAH TIMUR

B8004, Tingkat 1,
Sri Kuantan Square,
Jalan Telok Sisek
25200 Kuantan,
Pahang Darul Makmur.
Tel : +609 512 1100
Faks : +609 515 7566

PEJABAT WILAYAH TIMUR (CAWANGAN KELANTAN)

Pejabat Cawangan Kelantan,
PT400, Bandar Baru Tunjong,
Jalan Kuala Krai,
15100 Kota Bharu,
Kelantan Darul Naim.
Tel : +609 741 1900/ 09 741 1901
Faks : +609 741 1905

PEJABAT WILAYAH SELATAN

Suite 7A, Aras 7,
Menara Ansar,
Jalan Trus,
80000 Johor Bahru,
Johor Darul Takzim.

PEJABAT WILAYAH SELATAN (CAWANGAN MELAKA)

No 26-3, Tingkat 3,
Bangunan Kota Cemerlang,
Hang Tuah Jaya,
75450 Lebuhraya Ayer Keroh,
Melaka.
Tel : +606 233 1659/ 1646/ 1653
Faks : +606 233 1615

PEJABAT WILAYAH SABAH

6-10-10, Aras 10,
No. 6 Menara MAA,
Lorong Api-Api 1, Api Api Centre,
88000 Kota Kinabalu,
Sabah.
Tel : +6088 270 550
Faks : +6088 253 205

PEJABAT WILAYAH SABAH (CAWANGAN BEAUFORT)

Lot 4, Tingkat Bawah & 1,
Cerah Commercial Center,
89808 Beaufort,
Sabah.
Tel : +6087-212 171
Faks : +6087-212 176

PEJABAT WILAYAH SABAH (CAWANGAN SANDAKAN)

Tingkat 3, Menara Rickoh,
Indah Commercial Complex,
Bandar Indah, Batu 4, Jalan Utara,
90000 Sandakan, Sabah.
Tel : +6089-227350
Faks : +6089-227352

PEJABAT WILAYAH SARAWAK

Aras 5 (Utara), Wisma STA,
26, Jalan Datuk Abang Abdul Rahim,
93450 Kuching,
Sarawak.
Tel : +6082 331 900
Faks : +6082 331 901

PEJABAT WILAYAH SARAWAK (CAWANGAN MIRI)

Lot 1385, Tingkat 1, Blok 10,
Centre Point Commercial Centre Phase II,
98000 Miri,
Sarawak.
Tel : +6085 417 900 / 085 417 600
Faks : +6085 417 400

PEJABAT WILAYAH SARAWAK (CAWANGAN SIBU)

Aras bawah, 1 & 2,
No.2 Lorong Kwong Ann 8,
Brooke Drive,
96000 Sibu,
Sarawak.
Tel : +6084 327 300
Faks : +6084 326 500